**SEGERA**

MAJLIS ISLAM SARAWAK

# GARIS PANDUAN PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SEMASA PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2 DI SELURUH NEGERI SARAWAK TAHUN 2021

Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Negeri Sarawak selaras dengan saranan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JBPN) atas meningkatnya kes COVID-19 yang melibatkan ***Variant of Concern*** di negeri ini. Majlis Islam Sarawak bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut:-

## 1. AKTITIVI-AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU

<table>
<tr><th>BIL</th><th>JENIS AKTIVITI</th><th>CATATAN</th></tr>
<tr><td>i.</td><td>Solat Jumaat Di Masjid & Surau (yang telah diberikan kebenaran mendirikan solat Jumaat)</td><td>Dibenarkan<br><ul><li>dengan had jemaah dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter) seperti berikut :</li></ul>
<table>
<tr><th>Kategori Masjid/Surau</th><th>Had Jemaah</th></tr>
<tr><td>Masjid Jamek Negeri Sarawak</td><td>Tidak melebihi 500 orang</td></tr>
<tr><td>Bahagian/ Daerah/Daerah Kecil/Kariah</td><td>Tidak melebihi 150 orang</td></tr>
<tr><td>Surau Berjumaat</td><td>Tidak melebihi 70 orang</td></tr>
</table>
had jemaah adalah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>ii.</td><td>Solat Fardhu Di Masjid & Surau</td><td>Dibenarkan<br><ul><li>dengan had jemaah dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter) seperti berikut :</li></ul>
<table>
<tr><th>Kategori Masjid/Surau</th><th>Had Jemaah</th></tr>
<tr><td>Masjid Jamek Negeri Sarawak</td><td>Tidak melebihi 120 orang</td></tr>
<tr><td>Bahagian, Daerah, Daerah Kecil & Kariah</td><td>Tidak melebihi 100 orang</td></tr>
<tr><td>Surau</td><td>Tidak melebihi 70 orang</td></tr>
</table>
<ul><li>had jemaah adalah termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan</li></ul></td></tr>
<tr><td>iii.</td><td>Aktiviti Pengimarahan Masjid/Surau seperti Ceramah, Kuliah, Kelas Pengajian dan Lain-Lain</td><td>Dibenarkan mengikut tempoh dan had jemaah ditetapkan<ul><li>Selepas solat Maghrib hingga azan solat Isyak sahaja</li></ul></td></tr>
<tr><td>iv.</td><td>Siaran Langsung ‘Live Streaming” Melalui Media Sosial</td><td>Dibenarkan Di Masjid & Surau<ul><li>masa siaran adalah selepas solat Maghrib hingga azan solat Isyak dan semasa khutbah Jumaat sahaja</li></ul></td></tr>
<tr><td>v.</td><td>Pengurusan Jenazah Yang Tiada Kaitan Dengan COVID-19</td><td>Dibenarkan di Masjid Dan Surau<ul><li>kehadiran tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli waris sahaja dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)</li><li>kehadiran pengaie atau pengurus jenazah adalah dibenarkan dengan bilangan yang sesuai</li></ul></td></tr>
<tr><td>vi.</td><td>Pengkebumian Jenazah Yang Tiada Kaitan Dengan COVID-19</td><td>Dibenarkan<ul><li>kehadiran tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli waris sahaja dan petugas perkuburan dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)</li><li>kehadiran pihak pengurusan tanah perkuburan adalah dibenarkan dengan bilangan yang sesuai</li></ul></td></tr>
<tr><td>vii.</td><td>Aktiviti Ziarah Kubur</td><td>Ditangguh Sementara</td></tr>
</table>

2. **SOP YANG PERLU DIPATUHI OLEH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN**

i. Menggunakan pelitup hidung dan mulut (facemask) sepanjang masa
ii. Menjalani pengimbasan suhu badan
iii. Mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera atau buku rekod sebelum masuk ke dalam masjid atau surau
iv. Membawa sejadah atau alas sujud sendiri
v. Berwudhuk di rumah
vi. Tidak bersesak-semak ketika masuk dan keluar
vii. Tidak bersalaman
viii. Tempoh pembukaan masjid atau surau adalah 30 minit sebelum azan
ix. Penggunaan pembesar suara (luar) hanya dibenarkan untuk azan, bacaan Al-Quran 30 minit sebelum azan, khutbah dan pengumuman penting untuk ahli kariah sahaja
x. Masjid atau surau hendaklah ditutup sejurus selepas wirid dan doa selepas solat oleh Imam (kecuali dalam tempoh pengimarahan dibenarkan)
xi. Sebarang bentuk jamuan adalah tidak dibenarkan (kecuali makanan berbungkus untuk dibawa balik oleh jemaah)
xii. Masjid atau surau hendaklah ditutup untuk semua aktiviti mulai jam 9.00 malam setiap hari.

3. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Majlis Islam Sarawak dengan kelulusan JPBN boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan

5. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **mulai 21 Julai 2021 sehingga Sarawak beralih Pelan Pemulihan Negara - Fasa 3** atau mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak

**Arahan**
**Majlis Islam Sarawak**
**18 Julai 2021M bersamaan 8 Zulhijjah 1442H**